

10 MAR 2001  
Abdullah-PAS

#### UMNO TETAP MAHU BERTEMU WALAUPUN PAS TAMBAH SYARAT

PETALING JAYA, 10 Mac (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Umno tetap mahu mengadakan pertemuan dengan PAS bagi membincangkan perpaduan Melayu walaupun parti pembangkang itu mahu menambah syarat atau cadangan baru.

Katanya PAS mempunyai hak untuk menetapkan syarat tetapi Umno telah menjelaskan niat dan tujuan diadakan pertemuan itu.

"Soal PAS hendak kenakan syarat itu dan ini, itu hak mereka. Mereka sudah tahu apa yang kita hendak cakap. Antara mahu dengan tidak mahu (bertemu) sahaja," kata Timbalan Perdana Mentrei pada sidang media selepas melancarkan sambutan Tahun Sukarelawan Antarabangsa 2001 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung PAS Nasharudin Mat Isa dua hari lepas bahawa pertemuan Umno-PAS itu, yang meliputi topik perlembagaan negara, perlu diperluaskan skopnya kepada banyak perkara di bawah perlembagaan termasuk soal kebebasan berkumpul secara aman.

PAS sebelum ini menangguhkan pertemuan Umno-PAS yang dijadualkan pada 19 Feb lepas dan meletakkan tiga prasyarat untuk dipenuhi sebelum pertemuan diadakan iaitu pembayaran balik royalti minyak kepada kerajaan Terengganu, membenarkan Harakah diterbitkan dua kali seminggu dan memansuhkan usaha untuk melarang penggunaan perkataan Islam pada nama parti politik.

Presiden Umno Datuk Se,ri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis berkata Umno mahu berbincang dengan PAS empat perkara yang membabitkan kepentingan Melayu iaitu hak dan keistimewaan orang Melayu, kedudukan Agama Islam, Bahasa Kebangsaan dan status Raja-Raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

Ketika ditanya adakah kenyataan terbaru Nasharudin itu menunjukkan PAS tidak mahu pertemuan diteruskan, Abdullah berkata: "Biarlah rakyat membuat intepretasi."

Mengenai calon Ketua Puteri Umno, Abdullah berkata parti masih menunggu nama-nama yang dicalonkan oleh Pergerakan Wanita Umno Negeri.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam bersetuju had umur bagi jawatan Ketua Puteri Umno ditetapkan 40 tahun manakala keanggotaannya terbuka kepada wanita dalam lingkungan 35 tahun ke bawah.

-- BERNAMA

RZS ZS RON